

UPM temui spesies pokok dianggap pupus

» Karas Gunung gaharu bernilai tinggi kali terakhir dikesan 100 tahun lalu

Oleh Azman Zakaria
bhnews@bh.com.my

► Serdang

Spesies pokok hutan, *Aquilaria rostrata*, yang selama ini dianggap pupus selepas kali terakhir ditemui kira-kira 100 tahun lalu, berjaya ditemui semula oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pokok dari genus *Aquilaria* dikenali sebagai pokok karas, kebiasaannya dikaitkan dengan gaharu bernilai tinggi.

Spesies itu yang juga dipanggil Karas Gunung atau Chandan Gunung, ditemui di hutan Gunung Tebu, Besut di Terengganu, kira-kira 100 kilometer dari kawasan ia pertama kali ditemui dahulu

iaitu di Gunung Tahan, Pahang.

Kumpulan penyelidik UPM yang diketuai Pensyarah Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan, Prof Madya Dr Rozi Mohamed, menemui pokok itu ketika melakukan kajian di lapangan dengan bantuan anggota renjer dari Jabatan Perhutanan Terengganu pada pertengahan tahun lalu.

Sangka spesies baharu

"Pada awalnya kami menyangkakan ia spesies baharu tetapi setelah membuat perbandingan dengan spesimen berusia 100 tahun di Herbarium Botanic Gardens, Singapura, kami mendapati ia adalah *A.rostrata*," katanya dalam temu bual.

Spesies itu pertama kali ditemui pada 1911 di Kem Wray's, Gunung Tahan oleh H N Ridley dan dilaporkan pada tahun 1924, namun laporan berkenaan tidak menyatakan saiz pokok berkenaan.

Penemuan terbaru itu menamatkan anggapan dan kebimbangan kononnya spesies itu sudah pupus.

Selepas lebih 100 tahun dari-

pada penemuan pertamanya, spesies itu disenaraikan dalam International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List dan dianggap sudah pupus.

Dr Rozi berkata, spesies itu ditemui di kawasan pokok balak yang sudah ditebang di kawasan yang berketinggian kira-kira 700 meter dari aras laut.

Dianggarkan 50 pokok ditemui dalam populasi itu yang berketinggian antara dua hingga lima meter dan berukuran lilit antara tiga dan empat sentimeter. Ketika ditemui, pokok itu sedang berbunga dan berbuah.

"Spesies ini adalah endemik, ia tidak terdapat di tempat lain, hanya di Semenanjung dan terancam kepupusan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, aktiviti pembalakan secara mampan telah membuka laluan dan merintis jalan untuk kumpulan penyelidik UPM boleh sampai ke kawasan habitat spesies berkenaan.

Tidak alami kepupusan

"Kami berjaya menemui semula populasi *A.rostrata*... penemuan terbaru ini memberi sinar dan



Dr Rozi menunjukkan spesies pokok *Aquilaria rostrata* yang sudah dikeringkan ketika ditemui di UPM, semalam.

harapan bahawa satu daripada sumber alam semula jadi negara ini tidak mengalami kepupusan," katanya.

Beliau berkata, kawasan itu perlu dijaga dan spesies berkenaan dipulihara agar dapat tumbuh dan membiak sebagai warisan alam serta mengelakkan daripada diceroboh oleh pihak yang mahu mendapatkan gaharu.

Dr Rozi berkata, penyelidikan menggunakan dana Skim Geran

Penyelidikan Fundamental (FR-GS), Kementerian Pendidikan Tinggi dan segala maklumat hasil penyelidikan dimasukkan ke dalam pangkalan data DNA yang dibangunkan khas untuk *Aquilaria* di Makmal Bioteknologi Hutan di Fakulti Perhutanan UPM.

Katanya, hasil penemuan itu telah dilaporkan dalam *BLUMEA*, sebuah jurnal reputasi tinggi dalam taksonomi tumbuhan terbitan Universiti Leiden, Belanda.